

Fatimah tinggalkan Jepun dan suami, dia hanya bawa Latif!

LEBIH empat puluh tahun menanggung rindu, akhirnya warga tua Kyoki Higa 79, berjaya bertemu bekas isterinya Fatimah Mohd Sharif, 67 dan anak lelakinya Abdul Latif (Kuniaki), 42 tahun.

Kyoki Higa atau mesranya Pakeik Higa bersyukur dengan pertemuan ini kerana hajatnya untuk menemui insan-insan yang dikasihi dimakbulkan semasa hayatnya masih ada.

"Sebelum datang ke sini, saya sering bermimpi bertemu Fatimah dan Latif. Saya rasa berdosa kerana selama perpisahan kami, saya tidak dapat menunaikan tanggungjawab sebagai bapa. Saya tidak tahu di mana mereka berada supaya dapat dihubungi sehinggalah saya ke Malaysia," kata Pakeik Higa yang fasih berbahasa Malaysia.

Masih segar di ingatan Pakeik Higa detik awal kedatangannya di Malaya waktu itu. "Usia saya 13 tahun dan bekerja sebagai jurutera kapal di Singapura. Saya pernah tinggal di Bukit Besi Terengganu sebelum menetap di Port Klang dan berkahwin dengan Fatimah.


"Perkahwinan kami diatur keluarga. Ibu saudara saya berkahwin dengan lelaki Melayu dan dialah yang menemukan jodoh saya dengan Fatimah. Setelah beberapa lama berkahwin saya membawa Fatimah dan Latif pulang ke Jepun.

Sedangkan lidah lagi tergigit, begitulah kehidupan pasangan Higa dan Fatimah. Atas sebab-sebab peribadi, Fatimah merajuk dan meninggalkan Pakeik Higa. Dia membawa anaknya yang ketika itu berusia 4 tahun.

"Saya hilang punca, tidak tahu ke mana Fatimah dan Latif pergi. Perasaan kesal dan sedih saling bertindih. Saya mencari di merata tempat dan akhirnya saya tahu Fatimah sudah meninggalkan Jepun. Dia kembali ke kampung halamannya di Malaysia.

Walau kesedihan dan kekecewaan melanda, Pakeik Higa tetap meneruskan kehidupannya di kota Jepun. Tugasnya sebagai jurutera mengikat Pakeik Higa

40 Tahun Higa Diburu Dosa



Kyoki Higa, rindu di dada terubat jual



Selain bertemu keluarga, sempat bertemu anak-anak angkatnya.

dengan kesibukan tetapi ingatan terhadap Fatimah dan Latif tidak pernah padam.

"Rindu membuak-buak di dada sehinggalah saya sering dihantui mimpi bertemu mereka. Suatu hari saya bertemu tiga pemuda Malaysia yang datang berkursus di Jepun. Saya mencari masa untuk mengenali mereka. Sebenarnya saya mencari anak saya.

"Saya membayangkan malah mengharapkan agar yang datang itu anak saya. Saya tak tahu di mana nak mula tetapi harapan itu tetap bersemadi dalam hati saya. Peserta-peserta kursus dari Malaysia semakin ramai yang saya kenali. Mereka saya jaga dan layan dengan baik. Semua yang datang itu adalah anak angkat saya.

"Sebenarnya saya terlalu rindukan Latif dan menganggap cara begini dapat menebus dosa-dosa kerana tidak memberi nafkah terhadap anak saya.

Kebaikan dan layanan mesra Pakeik Higa menawan hati anak-anak Malaysia yang berkursus di Jepun. Hubungan antara mereka berterusan walaupun mereka telah kembali ke Malaysia.

"Menyedari ada sesuatu yang tersembunyi di hati saya, akhirnya anak-anak angkat saya ini bersetuju membantu saya mencari Fatimah dan Latif. Saya mengatur rancangan datang ke